

ekuinás

SYARIKAT NASIONAL BERHAD

Ekuinas raih RM61.8 juta lulus kepentingan

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Syarikat ekuiti persendirian milik kerajaan, Ekuini Nasional Bhd. (Ekuinas) melupuskan kesemua 20 peratus kepentingannya di dalam Alliance Cosmetics Group (ACG) kepada Navis Capital Partners (Navis) pada nilai RM61.8 juta.

Navis merupakan firma ekuiti persendirian swasta berpusat di Malaysia dengan dana AS\$5 bilion (RM20 bilion) di bawah pengurusan pada 2015, dengan menumpukan syarikat-syarikat di ASEAN.

Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda berkata, pelupusan kepentingan itu dibuat kerana Navis mempunyai kemampuan dan telah memantau perkembangan ACG sejak sekian lama.

"Walaupun keadaan pasaran tidak menentu sewaktu ACG berada di bawah pemilikan Ekuinas, namun ia berjaya berkembang ke Indonesia dan Filipina.

"Jenama tempatan Silkygirl juga terus menjadi salah satu jenama pilihan untuk kosmetik warna dan pewangi bagi pasaran umum di Malaysia, Singapura dan Brunei. Pada masa yang sama, syarikat turut berusaha untuk membangunkan rangkaian produk baharu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ekuinas memberitahu, ACG adalah pelaburan sulung yang dilaksanakan bersama dengan Navis pada tahun 2010.

Jelas syarikat itu, jumlah pelaburan Ekuinas sebanyak RM39.9 juta memberi pemilikan 25 peratus ekuiti berkesan di dalam syarikat khas bersama yang mengawal 80 peratus kepentingan dalam ACG.